



TERMA & SYARAT INSENTIF KHAS ONE-OFF RM500 KEPADA PENJAJA/ PENIAGA KECIL BERLESEN TAHUN 2020 DI BAWAH PAKEJ SELANGOR PRIHATIN #COVID19

1. Kelayakan Pemohon

- a) Semua penjaja/ peniaga kecil yang memiliki lesen/ permit sah tahun 2020 di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Penjaja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor yang diluluskan sehingga 20 Mac 2020 sahaja layak memohon.
- b) Setiap penjaja/ peniaga kecil hanya layak memohon sekali sahaja walaupun mempunyai lebih dari 1 lesen/ permit dari PBT/ Majlis yang berbeza.

2. Cara Memohon

- a) Pemohonan hendaklah dilaksanakan atas talian (*online*) di www.selangorprihatin.com bermula 8 April 2020.
- b) Setiap permohonan akan menggunakan nombor Kad Pengenalan. Sistem akan *reject* mana-mana nombor Kad Pengenalan yang telah digunakan sebagai permohonan lengkap.
- c) Pemohon yang layak hendaklah mengisi maklumat peribadi termasuk akaun bank.
- d) Maklumat pemohon (pemilik lesen/ permit) dan maklumat bank hendaklah individu sama.

3. Perakuan Pemohon

- a) Pemohon hendaklah memastikan segala keterangan yang dikemukakan adalah benar, sahih dan tepat. Pihak PBT/ Majlis dan Kerajaan Negeri berhak membatalkan semua lesen/ permit yang dimiliki sekiranya didapati melanggar syarat permohonan yang telah ditetapkan.

4. Tempoh Permohonan/ Penyaluran

- a) Permohonan boleh dilaksanakan dalam tempoh 30 hari bermula 8 April 2020.
- b) Penyaluran insentif RM500 akan dilaksanakan terus ke akaun bank pemohon dalam 14 hari bekerja dari tarikh permohonan sekiranya maklumat lengkap.

5. Pertanyaan

- a) Sebarang pertanyaan boleh dilaksanakan bermula 8 April 2020 seperti berikut:
 - isu sistem permohonan hubungi talian 1-800-22-6600 (24 jam) / emel penjaja@selangor.gov.my.
 - isu lesen/ permit hubungi talian PBT/ Majlis (9 pagi – 4 petang) seperti di Lampiran A.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Soalan:** Saya pernah diluluskan lesen/ permit sebagai penjaja/ peniaga kecil di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor sebelum ini namun saya tidak memperbaharui lesen/ permit tersebut pada tahun 2020, adakah saya layak?

Jawapan: Tidak layak. Hanya lesen/ permit yang sah tahun 2020 sahaja layak.

2. **Soalan:** Sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, saya melaksanakan perniagaan sebagai penjaja/ peniaga kecil tetapi saya tidak mempunyai lesen/ permit, adakah saya layak?

Jawapan: Tidak layak.

3. **Soalan:** Saya berniaga kecil-kecilan dan mempunyai lesen/ permit sah tahun 2020, namun apabila saya mengisi nombor Kad Pengenalan, maklumat sistem menunjukkan nombor Kad Pengenalan saya tidak wujud, adakah saya tidak layak dan kenapa?

Jawapan: Hanya pemohon yang memiliki lesen/ permit sah tahun 2020 dari PBT/ Majlis Negeri Selangor di bawah Undang-undang Kecil Penjaja sahaja layak. Disini ada beberapa kemungkinan iaitu:

- a) Lesen/ permit pemohon bukan di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Penjaja; ATAU
- b) Lesen/ permit diluluskan selepas 20 Mac 2020; ATAU
- c) Nombor Kad Pengenalan yang didaftarkan di PBT/ Majlis untuk kelulusan lesen/ permit adalah berbeza dengan nombor Kad Pengenalan pemohon.

4. **Soalan:** Berdasarkan semua syarat, saya layak memohon namun saya tidak mempunyai nombor akaun bank. Bolehkah saya mengisi nombor akaun bank orang lain, contoh ahli keluarga saya?

Jawapan: Tidak boleh. Maklumat akaun bank hendaklah sama dengan maklumat pemilik lesen/ permit bagi memastikan bantuan dapat disalurkan terus kepada pemohon yang layak.

5. **Soalan:** Saya telah mengisi borang dengan lengkap dalam tempoh ditetapkan, namun bantuan RM500 belum diperolehi selepas 14 hari bekerja. Adakah permohonan saya ditolak?

Jawapan: Pemohon hendaklah memastikan maklumat akaun bank sama dengan maklumat pemilik lesen/ permit. Berkemungkinan maklumat akaun bank permohonan berbeza ATAU tidak tepat menyebabkan bantuan tidak dapat disalurkan.

6. **Soalan:** Bolehkah saya menyemak nombor Kad Pengenalan di dalam sistem sebelum 8 April 2020?

Jawapan: Tidak boleh. Sistem akan mula beroperasi pada 8 April 2020.

7. **Soalan:** Bagaimana boleh saya ajukan sebarang pertanyaan?

Jawapan: Pertanyaan boleh dilaksanakan bermula 8 April 2020 seperti berikut:

- a) Isi borang pertanyaan yang disediakan dalam sistem; ATAU
- b) Hubungi talian 1-800-22-6600 (24 jam) / emel penjaja@selangor.gov.my; ATAU
- c) Hubungi talian PBT/ Majlis (9 pagi – 4 petang) seperti di Lampiran A.

WAKTU : 9.00 PAGI HINGGA 4.00 PETANG SAHAJA

BIL	PBT / MAJLIS	TEL
1	Jabatan Pelesenan MBSA Majlis Bandaraya Shah Alam	03-5510 5133 1-800-88-4477
2	Jabatan Pelesenan MBPJ Majlis Bandaraya Petaling Jaya	03-79563544 03-79542020
3	Jabatan Pelesenan MPSJ Majlis Perbandaran Subang Jaya	03-8024 7700
4	Jabatan Pelesenan MPK Majlis Perbandaran Klang	03-33701095 1-800-88-23826
5	Jabatan Pelesenan MPAJ Majlis Perbandaran Ampang Jaya	03-4296 8000
6	Jabatan Pelesenan MPKJ Majlis Perbandaran Kajang	1-800-88-6755
7	Jabatan Pelesenan MPS Majlis Perbandaran Selayang	03-61265800 1-800-222-677
8	Jabatan Pelesenan MPSp Majlis Perbandaran Sepang	03-83190200 / 300
9	Jabatan Pelesenan MPKL Majlis Perbandaran Kuala Langat	03-31872825
10	Jabatan Pelesenan MDKS Majlis Daerah Kuala Selangor	03-3289 1439 / 1549 / 9331 / 2903 ext 163
11	Jabatan Pelesenan MDHS Majlis Daerah Hulu Selangor	03-60641331
12	Jabatan Pelesenan MDSB Majlis Daerah Sabak Bernam	03-32241655

Disediakan oleh:
Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
#SelangorGempurCovid19